



**BINCANG:** Bashir (kanan) bersama Ketua Kampung Kilan Mohd Hassan (dua kiri) berbincang mengenai bantuan yang akan disalurkan ketika melawat rumah mangsa kebakaran di Kampung Kilan, baru-baru ini.

## Bashir bantu mangsa kebakaran di Kampung Kilan

**LABUAN:** Ahli Dewan Negara Senator Datuk Haji Bashir Alias menyantuni mangsa kebakaran rumah di Kampung Kilan pada Ahad lalu.

Pada kunjungan mesra itu, beliau menyerahkan sumbangan peribadi kepada mangsa Ramlee Mahari.

Lawatan beliau itu diiringi Ketua Kampung Kilan Mohammad Hassan Kapal dan Ketua Kampung Bukit Kalam Shuhaimi Haji Kula.

Bashir yang juga Pengerusi Ahli Majlis Penasihat Perbadanan Labuan berkata, beliau telah dimaklumkan Perbadanan Labuan akan bekerjasama dengan Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan untuk membantu mangsa.

"Saya dimaklumkan Perbadanan Labuan dengan kerjasama PPZ, JKM dan MAIWP akan menyelaraskan beberapa bantuan termasuk membaik pulih rumah mangsa," katanya.

Beliau yakin dengan adanya bantuan yang akan disalurkan

oleh agensi kerajaan terbahit akan dapat meringankan bebanan keluarga mangsa.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr. Fary Akmal Osman turut menyampaikan bantuan segera kepada mangsa berupa barangan elektrik dan bakul makanan.

Sementara itu, pihak JKM melalui Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) juga telah menyalurkan bantuan seperti katil, tilam, bantal dan selimut serta barangan lain yang diperlukan oleh keluarga mangsa.

Manakala MAIWP akan meneliti bantuan dan sumbangan berdasarkan kelayakan yang sesuai dengan keadaan mangsa.

Pada pagi Sabtu lalu, sebuah rumah jenis kekal milik Ramlee Mahari di Kampung Kilan musnah 80 peratus dalam kebakaran.

Dalam kejadian kira-kira jam 8 pagi itu, Ramlee, 46, mengalami kecederaan ringan di badan dan kepala ketika cuba menyelamatkan diri dengan melompat dari tingkap rumahnya.